



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEN. 5/76/ 44 (PM)

PERDANA MENTERI RASMI MESYUARAT
PERWAKILAN UMNO

Ucapan Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri dan Pemangku Presiden UMNO di upacara pembukaan resmi Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Setapak di Dewan Orang ramai Datuk Keramat, Kuala Lumpur, pada hari Ahad, 9hb. Mei, 1976, jam 10.00 pagi.

Hari ini ialah kali kedua saya berpeluang bertemu dengan ahli-ahli UMNO, peringkat bahagian dalam Wilayah Persekutuan, dalam rangka mendengar serta mengetahui akan kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh rakyat dipinggir Kota. Oleh yang demikian, saya mengucapkan syukur ke hadzrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya dapat saya bersama-sama hadir di majlis pembukaan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Setapak ini. Saya suka juga mengucapkan terimakasih kepada Jawatankuasa Bahagian ini serta penghargaan saya atas penghormatan yang telah diberikan sebentar tadi.

Memanglah menjadi harapan saya untuk melawat ke tempat-tempat di seluruh negara ini supaya dapat mengetahui dengan lebih dekat keadaan hidup rakyat sebenarnya semoga tindakan yang sewajarnya dapat diambil bagi membawa lebih banyak lagi kemudahan untuk dinikmati oleh mereka itu dan mengatasi masalah mereka.

Pada hari esok, 10hb. Mei, UMNO akan genap usianya 30 tahun. Dalam tempoh itu parti kita telah menempuhi banyak cabaran dan rintangan. Dari sebuah parti politik yang diasaskan dengan serba sederhana tetapi mempunyai kekuatan semangat dan keyakinan, UMNO telah berkembang keseluruh Semenanjung Malaysia sebagai pelopor perjuangan kemerdekaan, dan sekarang merupakan parti politik yang terbesar dalam Barisan Nasional.

Memperingati sejarah dan babak perjuangan inilah, kita patut bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana memberi taufik dan hidayah kepada setiap pemimpin kita yang telah lalu, di semua peringkat, yang telah mencurahkan seluruh tenaga mereka meletakkan asas kekuatan sehingga

menjadikan parti kita bulat dan kukuh, pada hari ini. Kejayaan yang telah dicapai tidaklah dapat dinilaikan, kerana sedikit sebanyak tiap-tiap rakyat dan penduduk telah dapat menikmati faedah dan kemakmurannya. Ini adalah hasil dari pandangan jauh, dedikasi dan keyakinan pemimpin-pemimpin kita pada prinsip perjuangan parti.

Sungguhpun begitu, kita janganlah berpuas hati dengan apa jua yang telah dicapai. Kita mesti meneruskan perjuangan sehingga segala cita-cita dan matlamat kita terbukti serta masalah ahli dan rakyat seluruhnya dapat diselesai dan diatasi dengan sedaya upaya.

Sekalipun perubahan berlaku di negara ini, pada hemat saya, perjuangan UMNO tidak akan tamat selagi setiap orang Melayu merasa yakin dengannya. Saya sebutkan demikian kerana saban hari banyak issue baru timbul menyebabkan peranan parti kita semakin bertambah, serta tanggungjawab kita menjadi berat. Tetapi, dengan berkat ketabahan hati ahli-ahli yang begitu ramai, serta kejujuran dan keikhlasan pucuk pimpinan, di samping sokongan yang diberikan oleh rakyat biasa, segala cabaran dan rintangan yang dihadapi oleh parti, dari masa ke masa itu, telah dan akan dapat diatasi dengan tidak menjejaskan perpaduan dan keutuhan parti.

Sebagai kesan dari peralihan pimpinan dalam parti dengan berpulangnye Allahyarham Tun Haji Abdul Razak maka baru-baru ini timbul golongan kecil dalam UMNO sendiri cuba mengalih pandangan ahli parti serta menyuarakan tuduhan liar dan kecaman yang tidak berasas, terhadap pucuk pimpinan. Tetapi Alhamdulillah, UMNO tetap tidak bergoyang, bahkan saya yakin ia menjadi semakin kukuh lagi. Inilah salah satu gejala atau percubaan yang mesti kita hadapi dari masa ke masa.

Sebagai sebuah pertubuhan yang besar, dengan ahlinya begitu ramai, terdiri dari orang-orang lama yang mempelopori dan mengasaskan parti dan dengan masuknya golongan baru menjadi ahli parti, tentulah kadang kala terdapat berbagai pandangan dan fikiran yang ada masanya berlainan dan bertentangan, antara satu dengan lain. Ini memanglah berlaku dalam sebuah parti demokratik, bersifat kebangsaan, seperti UMNO. Perbezaan pendapat adalah satu perkara biasa dalam parti, tetapi kita tidak mahu kalau perbezaan itu membawa kepada wujudnya sikap tidak mahu patuh kepada pucuk pimpinan. Kalau ikut pepatah, sekalipun mungkin berlaku apa yang dikata "sekandang tidak sebau," tetapi janganlah pula melarat menjadi "sekandang tapi berlainan gembala". Alinea ini sudah ada tetapi janganlah sampai berlarutan. Tradisi Melayu supaya patuh kepada Ketua dan Pemimpin patut dipelihara sebaik-baiknya.

(3)

Ketika menghadapi keadaan seperti ini, apa yang diharapkan ialah supaya segala perselisihan pandangan dan fikiran ini di salur dan diselesaikan menurut aturan dan peraturan dalam parti dan menurut prinsip demokrasi yang kita amalkan. Saya membangkitkan perkara ini kerana sebagai pemegang amanah pimpinan, saya suka melihat UMNO terus berkembang mengikut lunas-lunas yang sihat berasaskan perlembagaan parti. Kita mahu parti bulat dan kukuh. Sikap tiap-tiap anggota parti haruslah berusaha ke arah menambahkan bilangan ahli dan keyakinan supaya UMNO akan terus kekal berwarisan ke beberapa keturunan yang akan datang.

Dalam hubungan ini, saya sukalah mengambil kesempatan menyeru ketua-ketua cawangan dan bahagian menjalankan langkah yang jujur dan ikhlas mencari ahli dan memperkuat cawangan di tempat masing-masing. Dalam menjalankan usaha ini, janganlah pula terpengaruh dengan harapan mengukuhkan kedudukan mereka sendiri dalam parti. Sebaliknya, setiap kita hendaklah menerima semua golongan yang benar-benar berkeelayakan dan mempunyai hati yang suci memasuki parti kita dan turut berusaha memperkuatkannya. Pemimpin-pemimpin bahagian, saya harap sentiasa melayan kepentingan cawangan-cawangan secara adil dan tidak pilih kasih.

Saya selalu mendengar orang menyebut bahawa UMNO ini terlalu longgar. Sesiapa pun boleh masuk menjadi ahli tanpa semakan yang ketat terlebih dahulu. Mereka ini menduduh adanya pergolakan antara pemimpin dalam parti, oleh kerana ada anasir-anasir yang tidak sihat masuk meresap dalam parti disebabkan kelonggaran itu.

Pada hemat saya, kita tidak perlu menaruh perasaan bimbang kerana kekuatan kita sebagai parti adalah secara kolektif. Kekuasaan pucuk pimpinan adalah pada mesyuarat dan suara majoriti. Kekuatan UMNO bukan pada kepintaran individual. Kekuatan kita terletak kerana bilangan ahli-ahli UMNO yang hormatkan Perlembagaan Parti dan bergerak serta bertindak mengikut aturan dan peraturan parti adalah jauh lebih ramai / daripada gulungan yang kecil ini. Saya tidak percaya ada orang-orang Melayu sendiri yang cuba hendak melakukan pengkhianatan kepada parti kita, kerana saya yakin, selagi perjuangan kita jujur dan suci dan tidak terkeluar dari landasan dan batasan, Allah akan sentiasa lindungi kita dan parti kita. Keadaan ini terus kekal selagi kita menggunakan parti untuk faedah kita semua. Tetapi saya tahu ada golongan yang menggunakan parti untuk tujuan memperkuat atau menjaga kedudukan seseorang yang mendakwa orang itu layak menjadi pemimpin. Kepada saya, ini adalah satu perbuatan yang tidak sihat.



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia rapkali menegaskan pentingnya pucuk pimpinan yang bersih, jujur dan dedikasi, supaya UMNO akan dapat terus kekal, kuat dan kukuh untuk memperjuangkan kepentingan dan kebajikan ahli dan rakyat seluruhnya. Demikian juga kita mahu UMNO tetap menjadi teras Barisan Nasional, berjuang bersama-sama rakan dalam gabungan itu dan mendapat penghargaan darinya.

Sebagaimana saya katakan tadi, kekuatan sesebuah parti politik, seperti UMNO ini bergantung kepada kekuatan dan perpaduan tiap-tiap orang ahlinya di semua peringkat, pusat, negeri, bahagian dan cawangan. Kalau ahli-ahlinya benar-benar patuh kepada perjuangan parti dan sentiasa menegakkan dan mengawasi perjuangan parti, tidak ada penyelewengan daripada dasar yang ditentukan oleh parti, maka UMNO akan terus kuat dan kukuh, untuk menghadapi zaman yang akan datang.

Sungguhpun kita telah hampir 19 tahun mencapai kemerdekaan, banyak lagi yang perlu di buat bagi meninggikan taraf ekonomi rakyat, khasnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar yang bergantung kepada pertanian untuk memperbaiki keadaan hidup nelayan, pekerja-pekerja dan peniaga-peniaga kecil adalah menjadi tugas kita.

Sebagaimana saya tekankan ketika merasmikan Seminar Ekonomi UMNO semalam, Kerajaan Barisan Nasional yang didukung oleh UMNO, akan menggiatkan pelaksanaan dasar ekonomi baru di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang sedang disusun dan akan dilancarkan dalam bulan Julai ini.

Matalamat utama Rancangan Malaysia Ketiga ialah supaya usaha-usaha pembangunan dalam jangka masa tahun 1976 hingga 1980 dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi ke arah mewujudkan perpaduan negara. Sungguhpun banyak kemajuan telah dicapai di bawah Rancangan pembangunan di masa lepas, bagi mengukuhkan asas mengurangkan kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan di semua sektor ekonomi, tetapi tanggungjawab pelaksanaan rancangan pembangunan dalam masa lima tahun yang akan datang, tetap merupakan cabaran yang besar. Saya menyebutkan hal ini memandangkan keadaan keselamatan yang terdapat sekarang dan keperluan memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap memperkukuhkan pertahanan dan keselamatan. Demikian juga untuk memenuhi janji dan hasrat kita terhadap rakyat.

Pada pendapat saya, sekalipun bebas dan tanggungjawab kita begitu besar, Malaysia boleh menghadapi masa depan lima tahun akan datang dengan penuh keyakinan. Keadaan ekonomi antarabangsa menunjukkan perkembangan



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

yang lebih baik, sementara pemulihan ekonomi dalam negara-negara perindustrian adalah semakin kukuh. Oleh kerana ekonomi kita bergantung kepada bahan-bahan yang diekspot keluar negeri, Malaysia bolehlah mengharapkan masa depan yang cerah terhadap hasil pengeluarannya yang kita harap boleh meningkatkan lagi tenaga bagi pelaburan Kerajaan dan sektor swasta serta meninggikan lagi pendapatan dan menambahkan peluang pekerjaan daripada apa yang telah dicapai dalam pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Kedua.

Sekalipun harapan ekonomi masa depan itu cerah, langkah segera akan diambil oleh Kerajaan bagi menentukan supaya masalah yang dihadapi oleh rakyat daif dan golongan kurang bernasib baik dapat diatasi sebolehnya. Dalam hubungan ini, rancangan pembangunan di sektor awam, bagi tempoh rancangan pembangunan akan datang akan menitikberatkan usaha mengurangkan kemiskinan dan jurang perbezaan kemajuan wilayah dengan menumpukan perbelanjaan pembangunan terhadap kumpulan yang miskin, serta negeri-negeri yang kurang maju.

Sekalipun kemajuan telah banyak dicapai dalam usaha pembangunan denikian namun/sebahagian besar dari rakyat kita masih lagi dzaiif. Kira-kira 75% dari penduduk negara tinggal di luar bandar. Dan sebilangan besar dari golongan ini terdiri dari mereka yang ditakrifkan miskin. Usaha-usaha pembangunan kita akan diseimbangkan antara kepentingan mereka dengan golongan bandar. Oleh sebab, kekuatan parti kita adalah bergantung kepada sokongan dan kemampuan kita membela nasib rakyat golongan ini, maka di bawah Rancangan pembangunan negara akan datang sebahagian besar perbelanjaan pembangunan akan ditumpukan terhadap masyarakat miskin di luar bandar dan golongan yang berpendapatan rendah di kawasan bandar tanpa mengira kaum. Tujuan kita ialah membasmi kemiskinan dan mewujudkan masyarakat yang adil.

Saya penuh yakin rakyat bandar seperti yang tinggal di Kampung Datuk Keramat, Kampung Pandan dan lain-lain kampung yang ada di dalam dan di pinggir bandar akan terus mendapat faedah dan nikmat dari Rancangan ini kelak. Sama-samalah kita berusaha untuk pelaksanaan rancangan-rancangan tersebut.

Saya telahpun menghuraikan secara panjang lebar mengenai masalah setingan khasnya di Wilayah Persekutuan semasa saya meresmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sungei Besi baru-baru ini. Demikian juga, saya telah menyatakan langkah yang akan diambil oleh Dewan Bandaraya bagi mengatasi masalah ini. Insya Allah, saya akan menelitinya dengan lebih

(6)

mendalam lagi apabila pegawai-pegawai Jabatan berkenaan telah menyediakan rancangan yang lebih detail. Dalam usaha pembangunan seperti ini, saya harap setiap rakyat akan bersama-sama menyertai dan menjalankan tugas yang diperlukan sebagai anggota masyarakat.

Dengan harapan inilah saya dengan sukacitanya meresmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Setapak dan mengharapkan ia sentiasa memelihara perpaduan dan persefahaman di kalangan ahli.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR
9hb Mei, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 12.30 tengahari)

bm/

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



No Siri	188
No Penerimaan	11/76

JUN 1976